



## Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang

Norwaliza Abdul Wahab<sup>1</sup>, Ramlee Mustapha<sup>1</sup>, Jasmi Abu Talib<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, <sup>2</sup>Universiti Malaysia Terengganu

Correspondence: Norwaliza Abdul Wahab (email: [norwaliza@fppm.upsi.edu.my](mailto:norwaliza@fppm.upsi.edu.my))

### Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau peranan ibu bapa murid Orang Asli dalam menentukan matlamat pendidikan anak-anak lalu meningkatkan pencapaian akademik. Dalam kajian kes ini, data diperolehi daripada dua orang ibu dan dua orang bapa murid Orang Asli sebagai peserta kajian. Instrumen yang digunakan ialah protokol temu bual dan senarai semak pemerhatian sebagai alat mengumpul data. Temu bual secara mendalam dan pemerhatian dilakukan untuk mendapatkan data kritikal daripada ibu bapa. Data temubual telah dianalisis dan dikategori mengikut tema-tema yang muncul. Triangulasi telah dijalankan terhadap data temubual dan pemerhatian untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa ibu bapa Orang Asli mempunyai aspirasi dan matlamat untuk anak-anak mereka. Mereka juga mengatakan bahawa mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti pendidikan di sekolah serta telah mengambil tindakan bagi memastikan anak-anak berjaya dalam pendidikan. Ini menunjukkan ibu bapa yang mempunyai matlamat pendidikan yang jelas untuk anak-anak adalah penting bagi meningkatkan pencapaian akademik serta mengurangkan kadar ketidakhadiran anak-anak ke sekolah dan seterusnya dapat mengurangkan keciciran.

**Katakunci:** ibu bapa Orang Asli, jangkaan ibu bapa, matlamat, murid Orang Asli, pendidikan, penglibatan ibu bapa

## Developing the Orang Asli human capital: A case study on the roles and determination of educational goals among Orang Asli parents in Kuantan, Pahang

### Abstract

Parents play a crucial role in the human resource development of their children. As such their ability to perform this role well or otherwise needs to be studied. This study examined the roles of Malaysia's Orang Asli parents in determining the educational goals and enhancing the academic achievements of their children. In this case study, empirical data were obtained from four Kuantan's Orang Asli mothers and fathers as key informants through in-depth interviews, protocols and observations. The interview data were analyzed, categorized and triangulated to determine the validity and reliability of the results. The main finding revealed that, quite contrary to common presumptions, Orang Asli parents did have aspirations and some educational goals for their children, were involved in the children's school activities, and had taken actions to ensure that their children succeed in school. This serves to amplify the relevance and importance of guiding the parents to establish clearer and more concrete educational goals for their children to help, among other things, reduce the students' school absenteeism and dropouts.

**Keywords:** education, goals, parents expectation, parents involvement, Orang Asli parents, Orang Asli students

## Pengenalan

Secara umumnya, ibu bapa dan masyarakat Orang Asli masih tidak berminat dengan pendidikan malah mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan makan (Mohammad Johdi, 2009). Terdapat ibu bapa Orang Asli yang berpandangan sinis terhadap peranan dunia pendidikan dalam mengubah mobiliti sosial mereka serta keberatan menerima pandangan bahawa pendidikan formal boleh membantu mereka memperbaiki keadaan hidup (Hasan Mat Nor, 1998). Sikap ini berpunca dari pengalaman negatif mereka di sekolah sebelum ini (Vitaro, 2001). Akibatnya hal pendidikan kurang diberi perhatian serius dan ini menjejaskan sebarang usaha untuk mengatasi masalah pendidikan murid Orang Asli terutamanya dalam bidang akademik.

Usaha yang berterusan turut dilakukan oleh pihak kerajaan supaya masyarakat Orang Asli dapat dimasukkan dalam arus perdana pendidikan. Namun usaha mendidik murid Orang Asli perlu diberi penekanan sejak mereka kanak-kanak lagi supaya mereka lebih terdedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini jelas sebagaimana yang disarankan oleh UNESCO dalam program *UNESCO's Division of Basic Education Early Childhood* yang telah memperkenalkan pendidikan awal untuk kanak-kanak Orang Asli tanpa menghilangkan identiti budaya mereka (Alicia, 2007). Hal ini juga dapat dilakukan dengan kesedaran dan sokongan yang tinggi dari pihak ibu bapa masyarakat Orang Asli.

Pada masa kini, pencapaian akademik murid Orang Asli dalam pendidikan masih terlalu rendah jika dibanding dengan pencapaian warga Malaysia yang lain (Toh Kit Siang et al., 2008). Ini kerana jumlah murid Orang Asli yang tercicir terutama dari sekolah rendah ke sekolah menengah masih besar. Malah dapatan kajian oleh JAKOA mendapati kurangnya penglibatan murid Orang Asli sama ada di peringkat sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi berpunca dari faktor-faktor yang timbul sewaktu persekolahan di peringkat rendah (Nicholas, 2006). Doris et al. (2012) menjelaskan kumpulan minoriti ini masih jauh ketinggalan dan mempunyai kadar keciciran dalam pendidikan yang tinggi dalam semua peringkat pendidikan bermula dari prasekolah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Namun menurut kajian Zainal Abidin (2008) kadar keciciran pelajar Orang Asli lebih tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah berbanding sekolah rendah.

Murid Orang Asli yang kurang kompeten daripada aspek kognitif (pengetahuan) adalah disebabkan oleh tahap pendidikan ibu bapa Orang Asli yang rendah mendorong mereka tidak mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak. Murid Orang Asli juga sukar memahami apa yang diajar oleh guru, mudah terlupa, kurang berminat hadir ke sekolah, mudah putus asa khasnya apabila gagal dan kurang motivasi diri (Ma'rof & Sarjit, 2008). Murid Orang Asli didapati mempunyai minat dalam aktiviti luar dan alam sekitar (aspek psikomotor) tetapi mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang membawa kepada kesukaran menguasai mata pelajaran yang memerlukan penyelesaian masalah, mudah bosan dan tiada kemahiran belajar (Shaari et al., 2011).

Faktor lain turut menyumbang kepada berlakunya pencapaian akademik yang rendah iaitu faktor sikap ibu bapa yang ini tidak mementingkan pendidikan terhadap anak-anak. Sikap ibubapa yang tidak faham tentang kepentingan pendidikan menyebabkan anak-anak berasa tidak memerlukan pendidikan yang tinggi untuk mereka (Juli, 2012). Masyarakat Orang Asli kebanyakannya tidak berpendidikan tinggi kerana kedudukan geografi yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran bahawa tiada faedah untuk menghantar anak ke sekolah (Abdul Razaq & Zalizan, 2009). Maka tidak hairanlah jika kemunduran masyarakat Orang Asli sering dikaitkan dengan latar belakang akademik yang rendah (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007).

## Isu dan permasalahan

Faktor sikap dan peranan ibu bapa merupakan penyumbang kepada pencapaian pendidikan murid Orang Asli. Penglibatan ibu bapa dalam persekolahan anak-anak merupakan kunci utama dalam menentukan

kejayaan akademik anak-anak (Epstein, 2005). Pembuat dasar, pendidik, dan para sarjana bersetuju bahawa perkongsian di antara keluarga dan sekolah boleh mengayakan pengalaman pendidikan murid (Chavkin, Gonzales & Rader, 2002; Chrispeels & Rivero, 2001; Epstein & Salinas, 2004; Hoover-Dempsey et al., 2009). Ini menunjukkan selain dari penglibatan ibu bapa secara berterusan, pihak ibu bapa juga perlu menetapkan satu matlamat terhadap pendidikan anak-anak.

Kajian terdahulu menunjukkan murid yang ibu bapanya mempunyai hubungan yang produktif dengan guru anak-anak mereka akan lebih berjaya di sekolah berbanding dengan murid yang ibu bapanya tidak produktif (Hughes & Kwok, 2007). Ini menggambarkan penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak di sekolah merupakan salah satu dari aspek yang tidak boleh dipandang ringan. Begitu juga dengan aspek perhubungan di antara ibu bapa dan guru memainkan peranan yang sangat penting dalam kejayaan akademik murid (Hill & Taylor, 2004; Kohl, Lengua & McMahan, 2000). Ini kerana, penglibatan ibu bapa yang tinggi di sekolah sangat berkait rapat dengan kemahiran membaca kanak-kanak yang lebih baik, perkembangan sosial, motor dan adaptif adalah lebih baik dan akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan murid kerana mereka merupakan pendidik di rumah (Conway, 2003; Jeffrey Glanz, 2006).

Banyak kajian-kajian terdahulu menunjukkan kepentingan ibu bapa sebagai komponen utama dalam pembelajaran anak-anak. Perbincangan memfokuskan perhubungan positif antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian murid. Apabila ibu bapa mengukuhkan apa yang dipelajari oleh murid di sekolah, murid memperolehi gred yang lebih baik, kadar kehadiran yang lebih tinggi, dapat menyiapkan kerja rumah, menunjukkan tingkah laku positif, berjaya menamatkan persekolahan dan berpeluang lebih untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Epstein, 200). Murid yang ibu bapanya rajin menghadiri pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan sering berhubung dengan guru anak mereka telah menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan murid yang ibu bapanya kurang melibatkan diri dalam aktiviti sekolah (Kim, 2000; Simon, 2000; Shumow & Miller, 2001).


Kajian telah membuktikan bahawa perlunya kolaborasi di antara ibu bapa dan guru dalam mendidik murid (Adams & Christenson, 2000; Hughes & Kwok, 2007). Pada hari ini, secara umumnya telah menerima bahawa kedua ibu bapa dan guru berkongsi tanggungjawab dalam mendidik anak-anak dan perkongsian ini adalah penting dalam menentukan kejayaan murid di sekolah (Epstein et al., 2001). Namun, penglibatan dan permuafakatan daripada ahli-ahli masyarakat juga penting supaya segala program dan aktiviti sekolah dapat berjalan dengan lancar. Pihak sekolah perlu menyediakan program dan merancang aktiviti dengan mengambil kira sikap dan sensitiviti ibu bapa dan komuniti supaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang mudah difahami oleh murid-murid.

Secara rumusannya berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan ibu bapa Orang Asli perlu memainkan peranan serta mempunyai satu matlamat pendidikan yang khusus supaya anak-anak dapat pencapaian yang baik dan seterusnya mendapat pekerjaan dan status sosioekonomi keluarga dapat dipertingkatkan.

## **Kerangka konseptual kajian**

Kerangka konseptual kajian menjana permasalahan kajian, persoalan kajian, teknik pengumpulan dan analisis data serta bagaimana menginterpretasi dapatan kajian (Merriam, 2001). Maka, kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan adaptasi dari model pendidikan untuk masyarakat pribumi New Zealand (Maori) iaitu model GPILSEO (Bishop & Sullivans, 2005). Kerangka konseptual kajian adalah berdasarkan tujuh aspek iaitu matlamat, pedagogi, institusi, kepimpinan, penyebaran, bukti dan pemilikan. Namun begitu, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek matlamat sahaja. Aspek matlamat ini dibincangkan berdasarkan perspektif ibu bapa Orang Asli terhadap pendidikan anak-anak mereka dari segi hasrat terhadap masa depan anak, tindakan yang dilakukan bagi menjamin kejayaan anak

dalam pendidikan serta penglibatan mereka di rumah dan di sekolah sehingga anak-anak berjaya mencapai cita-cita atau mendapat pekerjaan yang baik. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

## Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat apakah peranan dan matlamat pendidikan dari perspektif ibu bapa dalam kalangan masyarakat Orang Asli serta tindakan yang diambil bagi memenuhi hasrat tersebut. Kajian ini turut melihat sejauh mana penglibatan ibu bapa Orang Asli dalam hal-hal pendidikan anak-anak di sekolah.

## Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan dengan kaedah kajian kes. Reka bentuk kajian ini dipilih berdasarkan kepada keinginan untuk memahami dengan mendalam (Yin, 2009) serta ingin mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan aspek matlamat dan penyebaran berdasarkan pandangan ibu bapa Orang Asli. Kajian kes merupakan satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku. Pengkaji turut berusaha untuk mendekati seberapa banyak data dan peristiwa (Sandelowski, 2000) di mana pengalaman tersebut digambarkan melalui sudut pandangan semua peserta kajian. Maka, kajian ini melibatkan temu bual bersemuka secara mendalam dengan 4 peserta kajian yang berusia 28 hingga 45 tahun dari sebuah perkampungan masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang. Oleh sebab proses memahami perspektif peserta kajian satu proses yang kompleks, maka protokol temu bual digunakan. Protokol temu bual ini mengandungi soalan jenis separa berstruktur.

Diharapkan kajian kes ini dapat memberi peluang yang lebih besar untuk memahami dan meneroka kompleksiti tentang pelbagai pengalaman manusia (Bogdan & Biklen, 2007). Pemilihan peserta menggunakan persampelan bertujuan yang berasaskan kepada andaian bahawa penyelidik mahu meneroka, mengetahui dan memahami, maka responden yang paling banyak boleh dilihat darinya dan meningkatkan kredibiliti dapatan kajian (Patton, 2002) dipilih menjadi peserta kajian. Bagi sampel

Jadual 2. Latar belakang ibu bapa

Peserta kajian	Jantina	Umur	Pekerjaan	Suku kaum
IB1	Perempuan	33	Suri rumah	Jah Hut
IB2	Perempuan	42	Suri rumah	Semaq Beri
BA3	Lelaki	45	Penoreh getah	Jah Hut
BA4	Lelaki	28	Bekerja sendiri	Semaq Beri

peserta kajian, seramai empat orang peserta kajian telah memberi persetujuan untuk ditemu bual dalam kajian ini iaitu dua orang ibu dan dua orang bapa Orang Asli. Semua peserta kajian ibu bapa dikodkan sebagai IB1, IB2, BA3, dan BA4 dan boleh dilihat dalam Jadual 2.

## Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian penentuan matlamat ibu bapa dibuat berdasarkan tema yang telah dikenalpasti. Dapatan kajian bagi aspek penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa murid Orang Asli dapat dirumuskan mengikut tema i) hasrat ibu bapa mengenai masa depan anak, ii) tindakan ibu bapa untuk kejayaan anak dalam pendidikan dan iii) penglibatan ibu bapa dalam program sekolah dan di rumah.

### *Hasrat ibu bapa mengenai masa depan anak*

Rumusan kajian mendapati, hampir semua peserta kajian ibu bapa murid Orang Asli dalam kajian ini berhasrat untuk melihat anak-anak berjaya dalam pendidikan demi masa depan seterusnya mendapat pekerjaan yang baik. Peserta kajian BA3 memberikan penjelasan seperti berikut: “...saya mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. Anak sulung saya belajar di kolej dalam kursus farmasi. Anak kedua di MRSM. Anak ketiga baru habis peperiksaan UPSR, keempat dan kelima masih di sekolah rendah. Kalau boleh saya mahu anak-anak saya dapat kerja yang baik lepas belajar nanti..” Manakala, peserta kajian IB1 berhasrat agar salah seorang anak beliau menjadi seorang guru supaya masa depan anak lebih cerah dan senang dalam kehidupan berbanding sekarang: “...saya bagi tahu anak, dia kena pergi sekolah dan belajar rajin-rajin, dapat kerja baik-baik. Kalau boleh saya nak anak jadi cikgu. Kalau dah jadi cikgu cerah masa depan dia nanti..”. Ini menunjukkan ibu bapa Orang Asli menganggap pendidikan sebagai satu elemen yang membolehkan anak-anak mereka mencapai matlamat iaitu dalam bentuk kerjaya yang dicita-citakan (Hoge, Smit & Crist, 1997; Patrikakou, 1997).

Penentuan matlamat ibu bapa murid Orang Asli dibuat berdasarkan pengamatan dan pengetahuan mereka terhadap kepentingan pendidikan. Kesedaran kepentingan pendidikan wujud apabila ibu bapa sering didedahkan dengan pengetahuan mengenai pendidikan apabila menghadiri program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Ini dinyatakan oleh peserta kajian BA3 seperti berikut: “...kena ambil tahu tentang pelajaran anak. Kena selalu jumpa guru untuk bincang, kalau kat rumah kena pastikan dia belajar...”. Manakala bagi ibu bapa yang tidak mementingkan pendidikan anak-anak mempunyai kurang maklumat tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Ini kerana mereka jarang melibatkan diri dengan program sekolah, tidak menghadiri mesyuarat atau perjumpaan dengan guru-guru tentang kemajuan pendidikan anak-anak.

Jelasnya di sini, ibu bapa murid Orang Asli sewajarnya didedahkan dengan maklumat-maklumat berkaitan dengan pendidikan serta hala tuju kerjaya anak-anak selepas persekolahan supaya pihak ibu bapa lebih bermotivasi untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang secukupnya. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh (Ramle et al., 2012) yang menyatakan ibu bapa Orang Asli menganggap pendidikan sebagai satu elemen yang membolehkan anak-anak mereka mencapai kerjaya yang dicita-citakan. Dapatan kajian ini turut selari dengan kajian-kajian yang menyatakan jangkaan dan matlamat ibu bapa dikenal pasti sebagai salah satu aspek yang sangat penting dalam pencapaian pendidikan anak-anak serta disokong dengan pernyataan yang mengatakan terdapat kesan yang positif dalam jangkaan dan matlamat ibu bapa dalam budaya masyarakat di Asia (Peng & Wright, 1994).

### *Tindakan ibu bapa untuk kejayaan anak dalam pendidikan*

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian ibu bapa murid Orang Asli turut mendorong anak-anak mereka dalam pelajaran dengan melakukan beberapa tindakan. Antaranya ialah menyediakan keperluan

pendidikan anak-anak seperti peralatan alat tulis, buku, pakaian sekolah dan menyediakan wang saku anak ke sekolah. Ini menunjukkan komitmen ibu bapa murid Orang Asli dalam membantu meningkatkan pencapaian anak-anak dalam pendidikan. Ini dinyatakan oleh peserta kajian BA3 seperti berikut: “...adalah saya beli apa yang patut untuk pelajaran dia, kalau ada duitlah macam baju, pensel, buku kerja dan beg. Janji dia nak belajar...”. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat ibu bapa murid Orang Asli yang sanggup berkorban menyediakan peralatan pembelajaran asalkan anak mereka hendak belajar tanpa mengira wang yang terpaksa dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Terdapat juga ibu bapa seperti IB1 yang turut memantau perkembangan pendidikan anak di rumah iaitu dengan memastikan anak-anak menyiapkan kerja sekolah yang dibekalkan oleh guru seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian IB1: “...setiap malam saya akan tanya anak dah siap kerja rumah belum, dah baca buku belum?” Sikap ini selari dengan pandangan Zahyah Hanafi et al., (2002) yang menyatakan bahawa kerja rumah dapat memberi peluang kepada ibu bapa untuk berperanan melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak mereka dengan menjelaskan, memeriksa serta memastikan anak-anak menyiapkan kerja rumah. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian yang dibuat oleh Houtenville et al. (2008) yang menyatakan penglibatan dan peranan ibu bapa dalam mengawasi pendidikan anak-anak mendapati anak-anak mereka dapat menyiapkan kerja rumah yang diberi mengikut jadual, pencapaian dalam mata pelajaran meningkat, dan mengetahui apa yang dipelajari oleh anak-anak mereka di sekolah.

Keprihatinan ibu bapa dalam memastikan anak-anak menyiapkan kerja rumah di rumah akan berterusan hingga ke sekolah dan ini dapat membantu guru-guru meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Knollman et al. (2007) pula berpendapat para ibu bapa boleh membantu meningkatkan keupayaan anak-anak dalam menyelesaikan tugas di rumah dengan mengutamakan kerja rumah yang dibekalkan oleh pihak sekolah, menunjukkan minat terhadap tugas anak, mengatur masa dan tempat belajar anak serta menyemak tugas yang disiapkan oleh anak.

Namun begitu terdapat ibu bapa yang tidak mampu untuk memberi apa-apa bagi menyediakan anak mereka ke sekolah seperti wang belanja dan hanya mengharapkan pihak sekolah menyediakan makanan. Ini dinyatakan oleh peserta kajian IB2 seperti berikut: “...Kalau banyak, bagi seringggit. Tapi kadang-kadang tak bawa apa. Tapi saya tak kisah sebab sekolah memang ada bagi makan bawah RMT. Budak-budak ni pun bukan nak belajar sangat. Dia lagi suka bekerja tolong bapaknya di kebun..”. Pernyataan ini turut menunjukkan bahawa terdapat ibu bapa masyarakat Orang Asli bersikap acuh tak acuh dengan pelajaran anak-anak sedangkan pihak kerajaan telah memberi bantuan pendidikan seperti wang bantuan persekolan, buku, beg dan baju sekolah yang lengkap (Norwaliza et al., 2014). Persepsi demikian dikatakan berkait rapat dengan beberapa faktor seperti taraf pendidikan ibu bapa dan latar belakang ekonomi mereka yang rendah. Pandangan ini selaras dengan pandangan Wan Sofiah (2007) melalui kajian yang dijalankan ke atas Orang Asli Penan di Sarawak di mana ibu bapa menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap pendidikan anak-anak tetapi kurang menunjukkan minat terhadap proses pembelajaran. Manakala, kajian oleh Mohd Johdi dan Abdul Razaq (2009) terhadap masyarakat Orang Asli sememangnya menunjukkan ibu bapa kurang positif terhadap pendidikan.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat seorang peserta kajian iaitu BA4 yang bertindak menghantar anak ke asrama kerana lokasi rumah yang agak jauh dari sekolah. Beliau berbuat demikian bagi memastikan anak mendapat peluang belajar dengan baik: “...saya kena hantar anak ke asrama kerana rumah agak jauh dari sekolah. Saya tak suka sebenarnya nak berjauhan dengan anak saya. Tapi kalau duduk asrama bolehlah dia belajar, kalau duduk rumah tak ada siapa nak ajar. Tengok pencapaian periksa dia lebih baik sejak duduk asrama sebab ada jadual belajar...”. Di asrama, anak Orang Asli terjaga dari segi makan minum serta mempunyai jadual belajar yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Ini menunjukkan walaupun ibu bapa murid Orang Asli tidak begitu arif mengenai pendidikan namun mereka menunjukkan usaha untuk memberikan pendidikan untuk anak-anak mereka dengan sebaik mungkin. Usaha keras daripada pihak sekolah perlu untuk memberi kesedaran, motivasi, ceramah dan taklimat tentang kebaikan menetap di asrama dalam usaha untuk mengubah sikap dan minda masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan (Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol, 2014).

### *Penglibatan ibu bapa di rumah dan sekolah*

Apabila ditanya mengenai penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak di rumah, terdapat peserta kajian ibu yang menyatakan beliau tidak mengambil tahu mengenai pelajaran anak dengan alasan beliau tidak berpelajaran tinggi dan tidak tahu bagaimana hendak mengajar atau membantu anak mengulang kaji di rumah. Ini dinyatakan oleh peserta kajian IB2 seperti berikut: “...saya tak belajar tinggi dulu. Jadi tak tahu nak ajar anak macam mana. Kalau dia nak belajar, belajarlah. Nak paksa-paksa pun tak boleh juga...”. Pernyataan ini menunjukkan terdapat ibu murid Orang Asli yang langsung tidak mengambil tahu akan pendidikan anak-anak. Ibu bapa masyarakat Orang Asli dilihat menerima bulat-bulat proses pendidikan yang ditetapkan oleh pihak sekolah kerana kepercayaan mereka terhadap pihak pentadbir. Ibu bapa ini turut menyalahkan latar belakang mereka yang rendah lalu tidak dapat membantu anak-anak dalam menyiapkan kerja sekolah di rumah.

Namun begitu, masih terdapat ibu bapa murid Orang Asli yang menyatakan mereka akan menghadiri setiap program yang dianjurkan oleh pihak sekolah sekiranya ia dapat membantu anak-anak mereka meningkatkan diri dalam bidang akademik. Ini dinyatakan oleh peserta kajian BA3 seperti berikut: “...kalau sekolah panggil saya datang, saya akan datang. Saya tahu sekolah cuba buat yang terbaik. Jadi saya ikut sahaja...”. Di sini, peranan pihak sekolah amat penting dalam memastikan semua ibu bapa yang terlibat hadir dalam setiap program yang dijalankan supaya pihak ibu bapa ini mendapat banyak pendedahan mengenai kepentingan pendidikan. Pihak sekolah juga seharusnya menyediakan program dan konsultasi berbentuk motivasi kepada pihak ibu bapa supaya pemahaman mereka mengenai pendidikan bertambah luas.

Menurut Jeffrey Glanz (2006) dan Conway (2003) penglibatan ibu bapa sangat berkait rapat dengan kemahiran membaca kanak-kanak yang lebih baik, perkembangan sosial, motor dan adaptif adalah lebih baik dan akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan murid kerana mereka merupakan pendidik di rumah. Hasil kajian oleh Kanammah et al. (2015) menunjukkan perkembangan dan tabiat pembelajaran anak-anak adalah lebih baik apabila ibu bapa mereka terlibat secara aktif dan berterusan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi iaitu peringkat sekolah rendah. Penyertaan aktif dan sokongan ibu bapa di peringkat ini akan dapat meningkatkan potensi pembelajaran anak-anak melalui penerusan kaedah pembelajaran tersebut di rumah.

### **Kesimpulan**

Peranan ibu bapa dalam proses pendidikan adalah amat penting dalam membentuk konsep sendiri anak-anak. Konsep sendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif. Salah satu daripada kesan konsep sendiri adalah pencapaian akademik. Tinggi atau rendah pencapaian akademik murid bergantung kepada positif atau negatifnya perspektif seseorang itu terhadap pelajaran. Maka, peranan ibu bapa di rumah adalah penting dalam membantu menggalakkan pembelajaran. Justeru, dalam senario ini pihak sekolah perlu lebih kreatif dalam menarik minat pihak ibu bapa untuk lebih kerap berkomunikasi dengan guru-guru supaya mereka dapat gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan pendidikan anak-anak. Murid Orang Asli yang berpotensi untuk melanjutkan pendidikan ke sekolah berasrama penuh seperti MRSM dan SBP perlu diberi lebih perhatian oleh guru dan ibu bapa di rumah. Ini kerana sekolah berasrama penuh didapati berjaya menghasilkan murid Orang Asli yang cemerlang dan seterusnya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

## Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas (2009) *Masyarakat orang asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Penerbit UKM, Selangor.
- Adams KS, Christenson SL (2000) Trust and the family-school relationship: Examination of parent-teacher differences in elementary and secondary grades. *Journal of School Psychology* **38**(5), 477-497.
- Alicia Ranck Soudee (2009) Incorporating indigenous knowledge and practise into ECCE: A Comparison of programs in the Gambia, Senegal and Mali. *Comparative Education* **11**, 15-23.
- Amir Hassan Dawi (2002) *Penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak-anak di peringkat sekolah rendah*. Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bogdan RC, Biklen SK (2007) *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Pearson, Boston.
- Bishop R, O'Sullivan D (2005) 'Taking a reform project to scale: Considering the conditions that promote sustainability and spread of reform'. A monograph prepared with the support of Nga Pae o te Maramatanga. The National Institute for Research Excellence in Maori Development and Advancement. Unpublished manuscript.
- Chavkin NF, Gonzalez J, Rader R (2002) A home-school program in a Texas- Mexico border school: Voices from parents, students, and school staffs. *The School Community Journal* **10**(2), 127-37.
- Chrispeels JH, Rivero E (2000) *Engaging Latino families fo r student success: Understanding the process and impact o f providing training to parents*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, LA.
- Conway J (2003) *Parental involvement in school can work wonders for children*. [Cited 9 May 2010]. Available from: [http://nemp.otago.ac.nz/i\\_probe.htm/](http://nemp.otago.ac.nz/i_probe.htm/).
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Siti Hajar Idris (2012) Transformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding Perkem VII*, Jilid 2, pp.1215 – 1224. ISSN: 2231 – 962X.
- Epstein JL (2005) *School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools* (3rd ed.). Westview Press, Boulder, CO.
- Epstein JL, Coates L, Salinas KC, Sanders MG, Simon BS (2001) *School, family, and community partnerships: Your handbook for action*. Corwin Press, Thousand Oaks, CA.
- Harun Ishak (2003) *Pendidikan sekolah rendah di pedalaman Keningau*. Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasan Mat Nor (1998) *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Hassan MN, Shaharudin I, Sarah Aziz AGA (2001) *Manusia, Alam Sekitar dan Pembangunan: Bicara Pengalaman Komuniti Orang Asli*. Selangor.
- Hill NE, Taylor LC (2004) Parental school involvement and children's academic achievement. *Current Directions in Psychological Science* **13**(4), 161-164.
- Hoge DR, Smit EK, Crist JT (1997) Four family process factors predicting academic achievement in sixth and seventh grade. *Educational Research Quarterly* **21** (2), 27-42.
- Hoover-Dempsey KV, Battiato AC, Walker JM, Reed RP, DeJong JM, Jones KP (2001) Parental involvement in homework. *Educational Psychologist* **36**, 195-209.
- Houtenville A, Conway K (2008) Parental effort, school resources, and student achievement. *Journal of Human Resources* **43**, 437-453.
- Hughes JN, Kwok Q (2007) Influence of student-teacher and parent-teacher relationships on lower achieving readers' engagement and achievement in the primary grades. *Journal of Educational Psychology* **99**(1), 39-51.
- Jeffrey G (2006) *School - Community Leadership*. Corwin Press, United States.



- Juli Edo (2012) Educational Plan for the Orang Asli: Hope and Opportunities. In: Abdullah et al (eds) *Education and Orang Asli in the mainstream*. University of Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.
- Kanamamah a/p Manukaram1, Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Shahizan Hasan (2013) Pengaruh Faktor Keluarga terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* **10**, 179-201.
- Khairul Hisyam Kamarudin, Ibrahim Ngah (2007) *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kim E (2002) The relationship between parental involvement and children's education achievement in the Korea immigrant family. *Journal of Comparative Family Studies* **33**(4), 529-540.
- Knollman M, Wild E (2007) Quality of parental support and students' emotions during homework. Moderating effects on students' motivational orientations. *European journal of Psychology of Education* **22**, 63-76
- Kohl GO, Lengua LJ, McMahon RJ (2000) Parent involvement in school: Conceptualizing multiple dimensions and their relations with family and demographic risk factors. *Journal of School Psychology* **38**(6), 501-523.
- Ma'rof R, Sarjit SG (2008) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, Rosmiza Mohd Zainol (2014) Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **10**(2), 189 - 198.
- Merriam SB (2001) *Qualitative Research and case study applications in education: Revised and expanded from case study research in education*. Josey-Bass Publishers, San Francisco.
- Mohamad Johdi Salleh (2009) Kajian terhadap kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat orang asli. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009, University Malaysia of Sabah, 3 - 5 February.
- Nicholas C (2006) The State of Orang Asli Education and its problems. Consultancy report presented at Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM). 21 July 2006. Kuala Lumpur.
- Norwaliza Abdul Wahab, Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas, Norshariani Abd Rahman, Lilia Halim (2014) The Role and Perspectives of Administrators in the Schools of Orang Asli Students: A Case Study in the State of Pahang. *International Proceedings of Economics Development and Research* **78**, 27.
- Patrikakou EN (1997) A model of parental attitudes and the academic achievement of adolescents. *Journal of Research and Development in Education* **31** (1), 7-26.
- Patton MQ (2002) *Qualitative Evaluation and Research Methods*. SAGE Publication, New Bury Park.
- Peng SS, Wright D (1994) Explanation of academic achievement of Asian American students. *Journal of Educational Research* **87**, 346-352.
- Ramlee Mustapha, Mustaffa Omar, Ruhizan Mohd Yasin, Norani Mohd Salleh, Syed Najmuddin Syed Hassan (2009) Pembangunan kerjaya belia Orang Asli. In: Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas (eds) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*, pp. 133-146. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sandelowski M (2000) Focus on research methods: Whatever happened to Qualitative Description? *Research in Nursing & Health* **23**, 334-340.
- Simon BS (2000) Predictors of high school and family partnerships and the influence of partnership on student success (PhD dissertation). Johns Hopkins University.
- Shaari Abdul Sukor, Yusoff, Nuraini, Ghazali Mohd Izam, Dali Mohd Hasani (2011) Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. UUM, Sintok.
- Shumow L, Miller JP (2001) Parents' at-home and at school academic involvement with young adolescents. *Journal of Early Adolescence* **21**(1), 68-91.

- Toh Kit Siang et al (2008) Pendidikan Orang Asli. Projek Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Sofiah Meor Osman (2007) *Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak kaum Penan. Kajian Kes di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.
- Vitaro F, Larouque D, Janosz M, Tremblay R (2001) *Negative Social Experiences and Dropping Out of School*. Research Unit on Children's Psycho-social Maladjustment, University of Montreal.
- Yin RK (2009) *Case study research: Design and methods (4th Ed.)*. Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Zahyah Hanafi, Noran Fauziah Yaakub, Rosna Awang Hashim (2002) Managing Children: An Insight into Malay Parents' Involvement in Their Children's Learning. *Malaysian Management Journal* 6(1&2), 63-80.
- Zainal Abidin Ali (2008) Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. In: Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (eds) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.